

17 NOV 1997

AS-Mahathir

ANGGOTA KONGRES SILAP, KATA DUTA AS

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Duta Amerika Syarikat ke Malaysia John Malott hari ini berkata tidak wajar bagi anggota kongres Amerika untuk mendesak pemimpin sebuah negara lain supaya meletak jawatan.

Beliau lalu menggesa Washington dan Kuala Lumpur agar menghentikan semua perbalahan yang mungkin menjejaskan hubungan dua hala

"Cukuplah. Marilah kita hentikan perbuatan yang didorong emosi ini. Marilah kita semua bersikap lebih bertanggungjawab dalam apa yang kita kata dan tulis. Marilah kita cuba kawal suasana yang buruk ini, bukan mengerukannya lagi," kata beliau pada persidangan berita di Kedutaan AS di sini.

Malott, yang baru pulang daripada bercuti selama dua minggu di Eropah, berkata hubungan AS-Malaysia adalah "terlalu penting untuk tidak berbuat demikian."

Beliau mengulas tindakan 27 anggota kongres AS diketuai Robert Wexler (Demokrat-Florida) yang hendak membawa draf usul kepada Kongres bagi mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan ekoran kenyataannya yang didakwa anti-Yahudi.

Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa kenyataannya yang menyalahkan pembiaya kewangan Amerika, George Soros, seorang Yahudi, terhadap krisis mata wang di Asia Tenggara telah disalahtafsirkan, dan beliau bukan anti-Yahudi.

Malott berkata dengan menyatakan bahawa tidak wajar bagi anggota kongres Amerika mendesak pemimpin negara lain meletak jawatan, beliau telah membuat anggota kongres yang berkenaan marah terhadapnya, mereka yang mempunyai sedikit-sebanyak pengaruh kepada masa depannya.

Bagaimanapun beliau bersedia "menunjukkan keberanian daripada segi politik" itu kerana beliau percaya ia penting bagi hubungan AS-Malaysia, katanya.

Sambil meminta rakyat Malaysia agar tidak bersikap emosional, Malott, yang kelihatan begitu beremosi ketika membaca teks yang disediakan itu, berharap agar "dalam hari-hari dan minggu-minggu ke hadapan ini, pemimpin Malaysia dalam kerajaan, sektor perniagaan dan media menunjukkan keazaman yang serupa" untuk memberi keutamaan kepada pembinaan hubungan AS-Malaysia yang kukuh.

Malott berkata sebagai rakan Malaysia, beliau berasa bimbang dengan apa yang semakin banyak beliau dengar dan baca dalam akhbar tempatan mengenai kepercayaan yang kian meluas di kalangan sesetengah orang di Malaysia bahawa "ada faedah yang akan diperolehi daripada tindakan menghentam Amerika dan membelasah hubungan itu."

"Saya berasa kluatir dengan kecenderungan untuk menyalahkan pihak-pihak luar, selalunya pihak Amerika, atau media asing, biasanya yang dimiliki Amerika, terhadap setiap perkara yang sedang berlaku," kata beliau.

Malott berkata beliau terkejut apabila membaca pendapat yang dikemukakan dalam akhbar-akhbar tempatan bahawa penerbitan asing perlu diharamkan di Malaysia, atau bahawa Agensi Perisikan Pusat AS bersubahat dengan media asing untuk menjatuhkan Dr Mahathir dan bahawa dana kerajaan Amerika digunakan untuk melakukan manipulasi terhadap pasaran saham.

Beliau juga melahirkan kekecewaannya terhadap ulasan bahawa kedutaannya tidak menjalankan tugasnya untuk memperbaiki hubungan dua hala itu.

Sambil menyeru semua pihak supaya menghentikan semua itu, beliau berkata: "Mesej saya hari ini ialah mengenai pentingnya hubungan kita dan

perkongsian yang semakin berkembang yang telah kita berusaha membinanya, mesej saya hari ini ialah yang cukup itu cukuplah dan mari kita bertenang."

Mengenai draf usul terhadap Dr Mahathir, Malott berkata ia belum dikemukakan kepada Kongres AS dan beliau percaya ia tidak akan dilakukan "untuk sedikit masa ini."

Sambil menarik perhatian bahawa usul itu menekankan kepentingan yang diletakkan oleh Kongres kepada hubungan AS-Malaysia, Malott bagaimanapun berkata bahawa anggota kongres AS itu "mempunyai hak untuk menyatakan kebimbangan mereka mengenai kenyataan yang didakwa dibuat oleh Perdana Menteri sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar Malaysia."

Apabila ditanya sama ada penjelasan Dr Mahathir mengenai kenyataannya tentang Yahudi itu disampaikan oleh kedutaan kepada kerajaan dan anggota Kongres AS, Malott berkata mereka sedar tentang perkara itu kerana ia telah dilaporkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, Bernama di Washington.

"Hampir setiap perkara yang diucapkan di sini sememangnya dilaporkan balik ke Washington kerana kerajaan AS membayar dan berlanggan dengan perkhidmatan Bernama. Jika seseorang itu pergi ke mana-mana agensi kerajaan AS di Washington, dia akan melihat berita dari Bernama tiba.

"Jadi, ya, penjelasan yang dibuat oleh Perdana Menteri itu dilaporkan secara terus oleh Bernama kepada pegawai-pegawai kerajaan Amerika dan kedutaan ini juga menghantar laporan-laporan tentang apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri, bagi menjelaskan kenyataan berkenaan," katanya.

Walaupun ada penjelasan itu, sesetengah anggota Kongres masih tidak berpuas hati, katanya.

Mengenai ugutan melalui panggilan telefon yang diterima oleh kedutaan itu, yang katanya ditujukan kepadanya, Malott berkata beliau terpaksa menganggapnya serius dan menjalankan tanggungjawab perundangan dan moral dengan memberitahu perkara itu kepada rakyat Amerika di sini.

Ketika ditanya sama ada beliau percaya mereka yang membuat panggilan itu adalah rakyat Malaysia, beliau berkata beliau tidak mengetahuinya "tetapi mereka bercakap dalam bahasa Inggeris." -- BERNAMA

ES NMO